

ZA‘BA DAN RAHSIA EJAAN JAWI

(Za‘ba and Rahsia Ejaan Jawi)

Asmah Haji Omar

hajiomarasmah@gmail.com

Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*). Asmah Haji Omar. (2024). Za‘ba dan *Rahsia Ejaan Jawi*. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 17(2), 287–306. [https://doi.org/10.37052/jm.17\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/jm.17(2)no6)

Peroleh: <i>Received:</i>	12/1/2024	Semakan: <i>Revised</i>	17/7/2024	Terima: <i>Accepted:</i>	19/7/2024	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	24/7/2024
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--------------------------------------------------	-----------

Abstrak

Makalah ini membentang dan membincangkan buku Za‘ba, *Rahsia Ejaan Jawi (REJ)*, yang menghuraikan dengan terperinci sistem dan ciri-ciri tulisan Jawi, yakni dua aspek utama yang menjadi asas penggubalan kaedah mengeja perkataan bahasa Melayu apabila menggunakan tulisan ini. Sejarah lambang atau huruf Jawi dibincangkan berdasarkan kategori huruf asalnya dalam bahasa Arab, dan bersama-sama ini ialah kelainan lambang atau huruf dalam perkataan, dan dikenali sebagai alograf. Kesatuan lambang dan bunyi adalah penting dalam kaedah ini yang juga memelihara estetika tulisan Jawi. Terdapat beberapa “peringatan” yang disampaikan sebagai pedoman ejaan tulisan Jawi, antaranya ialah tidak menerapkan kaedah ejaan Rumi (sistem abjad) kerana tidak ada persamaannya dengan kaedah ejaan Jawi (sistem suku kata). Disebabkan pentingnya keselarasan ejaan Jawi bagi bahasa Melayu, maka Za‘ba juga mengingatkan supaya tidak mengubah ejaan yang sudah lama mantap, termasuklah kata pinjaman daripada bahasa Arab. Sekiranya perubahan diperlukan, maka pandangan masyarakat pengguna hendaklah diambil kira.

Kata kunci: Huruf saksi, huruf benar, suku kata, tala, estetika, alograf

Abstract

This article presents and discusses Za‘ba’s book, Rahsia Ejaan Jawi (REJ), in which he describes in great detail the system and characteristics of the Jawi script, both of which form the basis in the formulation of his method of spelling

Malay words when using this particular medium of writing. The history of Jawi is discussed based on categories of symbols or letters given in their original forms in the Arabic script, and with this the variations in the shape of each symbol or letter in words; such variations are known as allographs. The unity of symbol and sound is important in this method, which also preserves the aesthetics of the Jawi script. There are many “reminders” given in the guidelines for Jawi script spelling, among them is to not apply the Rumi spelling method (alphabet system) because there is no similarity with the former (syllabic system). Due to the importance of standardization of Jawi spelling for the Malay language, Za‘ba’s other reminder is not to change the spelling of words that have been long accepted, including loanwords from Arabic. Should a change be necessary, the opinions of the community should be taken into consideration.

Keywords: Consonants, vowels/vocals, syllable, tone, aesthetics, allograph

PENDAHULUAN

Tulisan Jawi merupakan salah satu unsur budaya Melayu yang berakar umbi sejak agama Islam mula bertapak di Alam Melayu. Di Semenanjung Tanah Melayu, bukti kewujudan tulisan Jawi yang paling awal ialah Batu Bersurat Terengganu, bertarikh 702H atau 1303M, dengan tulisan Jawi yang diukir di atas batu. Kemungkinan sebelum itu, orang Terengganu pada amnya, dan juga orang Melayu di kawasan-kawasan lain di Semenanjung Tanah Melayu, telah pun masuk Islam dan sudah mengenali tulisan Arab yang merupakan tulisan al-Quran.

Berdasarkan penemuan teks ajaran akhlak Islam dalam “bahasa Melayu surat” (istilah Za‘ba) yang diukir di atas batu, bermakna terdapat individu yang menguasai kelainan bahasa tersebut untuk menulis mengenai tajuk yang mempunyai taraf yang tinggi dalam peradaban Melayu. Dengan melihat teks ini sahaja, masyarakat sudah dapat membuat taabiran bahawa tulisan ini sudah menjadi alat untuk merakam ajaran agama Islam. Sebelum penemuan batu bersurat ini, bahasa Melayu surat pasti sudah mantap, berkemungkinan 100 bahkan 200 tahun lebih awal. Sungguhpun pada zaman awal kedatangan Islam keadaan celik huruf melalui tulisan Arab adalah terhad kepada para pendakwah Islam dan guru agama sahaja, sekurang-kurangnya terdapat juga rakyat yang terbiasa dengan lambang yang ada dalam sistem tulisan itu melalui ajaran agama, khususnya apabila mereka belajar membaca al-Quran. Sekurang-kurangnya mereka mengetahui bahawa huruf-huruf dalam al-Quran itu melambangkan bunyi-bunyi yang boleh disebut oleh ujaran manusia. Lama-kelamaan huruf-huruf itu diterapkan untuk menggambarkan bunyi dalam bahasa mereka sendiri.

Berdasarkan takrifan dalam kalangan ahli linguistik dan antropologi bahawa taraf tinggi sesuatu peradaban hanya dicapai apabila peradaban itu sudah mempunyai sistem huruf untuk menulis bahasanya, maka dapat disimpulkan bahawa peradaban Melayu mencapai taraf peradaban tinggi apabila orang Melayu mempunyai tulisan Jawi. Sebelum itu terdapat tulisan yang digunakan untuk menulis bahasa Melayu bertarikh abad ketujuh Masihi, iaitu Batu Bersurat Srivijaya yang terdapat di Sumatera Selatan. Namun begitu, tulisan ini, seperti kebanyakan sistem tulisan peradaban lain, merupakan monopoli golongan atasan dan tidak diturunkan kepada orang biasa sehingga lama kemudian. Lain halnya dengan tulisan Arab yang diwarisi yang dijadikan medium penyampaian firman Allah SWT dalam bentuk al-Quran, telah dapat disebar ke sebahagian besar muka bumi yang menerima agama yang diwahyukan-Nya kepada Nabi Muhammad SAW.

Tulisan Jawi dan Bahasa Melayu

Tulisan Jawi tidak boleh dinamakan tulisan Melayu kerana perkataan “Jawi” memberikan gambaran penyebarannya dalam kawasan yang lebih luas daripada kata “Melayu”. Apabila agama Islam datang ke Asia Tenggara seawal abad kesepuluh Masihi, penyebarannya meliputi kawasan kepulauan dan juga daratan wilayah ini. Kawasan yang luas ini tidak terhad kepada kawasan orang yang berbahasa Melayu. Dengan itu, dapat dikesan juga bahawa terdapat bahasa lain yang penuturnya menerima Islam juga menerima tulisan Arab melalui pengajaran pmbacaan al-Quran, antaranya ialah bahasa Jawa, bahasa Bugis, bahasa Sunda dan sebagainya.

Tulisan Jawi yang menggambarkan bunyi bahasa Melayu terus bertahan disebabkan tidak ada sekatan daripada pihak pemerintah dalam penggunaannya, walaupun dalam zaman penjajahan Inggeris di Tanah Melayu, dan sebelum itu semasa pemerintahan Portugis dan Belanda di Melaka. Namun begitu, tulisan Jawi di Indonesia, termasuklah di pulau-pulau yang dahulunya berada di bawah pemerintahan Johor, menerima nasib malang di bawah kuasa Belanda apabila kuasa kesultanan Johor berpindah tangan kepada pemerintahan Belanda berdasarkan Perjanjian London 1824 dengan tamatnya Perang Napoleon di Eropah. Hal ini demikian kerana wujudnya dasar penggunaan tulisan Rumi yang menggantikan tulisan Jawi dan juga tulisan Jawa di Indonesia, yang sesuai dengan rancangan pihak Belanda menyebarkan agama Kristian di wilayah pemerintahannya. Kitab Injil mula diterjemahkan dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Rumi. Pada masa yang sama, mubaligh Kristian di Tanah Melayu juga giat menterjemah Kitab Injil dengan menggunakan khidmat penterjemah Melayu di Johor. Tulisan yang digunakan pula ialah tulisan Jawi. Kegiatan ini dikendalikan oleh Reverend Shellabear dari

mazhab Methodist. Naskhah salinan Kitab Injil dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi banyak tersimpan di British Library di London.

Dalam bahagian “Pendahuluan” dalam bukunya *Rahsia Ejaan Jawi (REJ)* yang diterbitkan pada tahun 1929, Za’ba (2009:xxix) melahirkan rasa khuatirnya berhubung dengan nasib yang menimpa tulisan Jawi di Indonesia:

Di sebelah pulau-pulau Melayu jajahan Belanda huruf Rumi (Latin) itu sememang telah tetap dan umum dipakai oleh orang-orang Melayu bagi menuliskan bahasa Melayu, dan segala surat-surat khabar dan kitab-kitab Melayu yang keluar dari sana hingga tafsir Al-Quran dan kitab-kitab agama pun bolehlah dikatakan semuanya dengan tulisan Rumi belaka, kecuali sedikit-sedikit yang keluar dari Sumatera. Maka dalam Semenanjung Tanah Melayu kita ini pun tulisan bahasa Melayu dengan huruf Rumi itu sentiasa juga beransur-ansur maju hingga nampaknya haruslah dalam dua tiga puluh tahun lagi tulisan Rumi itu pun akan bertanah air betul pula di sini, dan tulisan Jawi (Melayu huruf Arab) yang dibicarakan dalam kitab ini pun kelak hapus dan hilang langsung akhirnya.

Dalam hal penggunaan dan penerusan hayat tulisan Jawi, Za’ba memuji pemerintah British berbanding dengan pemerintah Belanda. Pada zaman British, undang-undang Negeri-negeri Melayu ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi. Pembelajaran menulis dan membaca Jawi diadakan serentak dengan pembelajaran menulis dan membaca Rumi. Pegawai British diwajibkan belajar bahasa Melayu bersama-sama dengan tulisan Jawi untuk tujuan kenaikan pangkat atau gaji. Bahkan tulisan Jawi merupakan tulisan rasmi yang digunakan pada papan tanda di tempat awam dan notis daripada pihak kerajaan. Berhubung dengan penggunaan tulisan Jawi dalam zaman pemerintahan British, Za’ba menyatakan bahawa terdapat dua “penghiburan”. Penghiburan pertama terletak pada penerbitan akhbar dan buku dalam tulisan Jawi (*REJ*, 2009:xxx):

Maka penghiburan kita sekarang ialah segala surat-surat khabar dan kitab-kitab Melayu yang dikeluarkan oleh anak-anak Melayu sendiri dalam Semenanjung belum banyak yang keluar dengan tulisan Rumi, padahal jika dikeluarkan dengan huruf Rumi tentu lebih laku sebab bangsa-bangsa yang lain daripada Melayu pun akan membeli. Maka yang demikian menunjukkan tulisan Jawi masih keras lagi nyawanya di sebelah sini.

Penghiburan yang kedua terletak pada sikap pemerintah British (*REJ*, 2009:xxx):

Dan lagi satu penghiburan ialah kerajaan tidak mengeraskan mesti memakai tulisan

Rumi sahaja dalam sekolah-sekolah seperti kerajaan Belanda, melainkan diajar kedua-duanya Jawi dan Rumi sekali.

Ramalannya bahawa lama-kelamaan tulisan Jawi di Semenanjung Tanah Melayu akan pupus tidak meleset. 26 tahun setelah buku *Rahsia Ejaan Jawi* (edisi 1931) itu diterbitkan, Malaya telah mencapai kemerdekaan daripada pemerintah British, iaitu dalam tahun 1957. Akta Bahasa 152 dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu memberikan taraf rasmi yang utama kepada tulisan Rumi, dan tulisan Jawi tidak dihalang penggunaannya. Hingga penghujung tahun 1960-an ejaan Jawi masih mempunyai kedudukan dalam sistem persekolahan yang menggunakan bahasa Melayu. Bahkan dalam tahun 1970-an peperiksaan HSC (*Higher School Certificate*) memberikan pilihan kepada calon kertas Bahasa Melayu untuk menjawab soalan dalam tulisan Jawi atau Rumi.

Kedudukan tulisan Jawi, seperti yang diramalkan oleh Za'ba, khususnya dalam pendidikan dan budaya Melayu, mulai lemah dengan pelaksanaan Dasar Pelajaran Baru 1971 yang bertujuan supaya semua rakyat Malaysia dapat bercakap, membaca dan menulis dalam bahasa Melayu. Tulisan Rumi lebih mudah disampaikan kepada semua kaum kerana tulisan ini diajar juga dalam kelas bahasa Inggeris. Dari segi "tuan punya", tulisan Rumi tidak diidentifikasikan dengan mana-mana kaum di Malaysia, Melayu, Cina atau India. Sebaliknya tulisan Jawi adalah bersifat Melayu, seperti halnya tulisan Cina dengan kaum Cina, dan tulisan Tamil dengan kaum India. Pada hakikatnya tulisan Jawi bukanlah semata-mata ciri budaya Melayu, tetapi merupakan sistem tulisan yang paling awal, iaitu ciri penting dalam peradaban Malaysia yang "ditanam" di bumi ini sebelum kedatangan tulisan lain beberapa abad kemudian.

Lahirnya *Rahsia Ejaan Jawi (REJ)*

Penulisan *REJ* merupakan hasil daripada kekecewaan Za'ba ketika mula menyusun kamus Melayu pada tahun 1918. Kekecewaan itu adalah kerana tidak adanya ejaan yang selaras yang boleh digunakan dalam semua jenis persuratan, disebabkan ketiadaan panduan menulis dan mengeja tulisan Jawi. Menurut beliau, orang Melayu menerima tulisan Arab, dan menerapkannya kepada bahasa Melayu "ikut sedap sendiri". Dengan ketiadaan peraturan yang tetap, maka sesuatu perkataan itu boleh dieja dengan berbagai-bagai cara. Perubahan berlaku menurut selera. Tambah beliau lagi, orang mempunyai kecenderungan mengeja sesuka hati, mengikut nafsu sahaja, dan "itu pun bukan pula nafsu ramai, hanya satu-satu orang yang menugal" (*REJ*, 2009:xxxii).

Jika dilihat secara objektif, ketidakstabilan ejaan itu juga tergambar dalam karya Za‘ba sendiri, seperti yang terbukti dalam penulisan *hejaan* (هيجان) dengan ه dan *ejaan* (ايجان) dengan ا dalam naskhah edisi pertama buku *REJ*. Buku itu dicetak sebanyak dua kali pada masa yang sama: yang satu menggunakan ايجان, sedangkan yang satu lagi هيجان. Edisi tulisan Rumi yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2009 menggunakan ايجان yang ditransliterasikan sebagai *ejaan*.

Disebabkan masalah ejaan Jawi yang dihadapinya, Za‘ba terpaksa melupakan sahaja kisah penyusunan kamus. Beliau mengalihkan usahanya kepada penyelarasan ejaan Jawi dan memberikan sistem peraturan yang boleh dijadikan panduan oleh pengguna. Sudah terbukti peraturannya itu diterima sebagai ejaan rasmi tulisan Jawi bahasa Melayu sehingga wujudnya ejaan baharu pada akhir abad ke-20, yang diberi nama “Ejaan Jawi yang Disempurnakan”. Di luar Malaysia, di kawasan Melayu seperti di Singapura dan Brunei dan juga komuniti Melayu di Thailand, Cambodia dan Vietnam, kitab Melayu yang menggunakan ejaan lama, iaitu ejaan Za‘ba, terus diulang cetak untuk pendidikan agama Islam. Bagi tujuan ini, ejaan Za‘ba sudah “menetap” dalam kitab-kitab agama yang digunakan (Asmah Haji Omar, 2019).

SEJARAH PERKEMBANGAN TULISAN JAWI

Za‘ba mentakrifkan tulisan sebagai “gambar percakapan supaya nampak kepada mata” (*REJ*, 2009:1, Ceraian 1). Asal usul ejaan ialah gambar (tulisan bergambar), yang berevolusi daripada garis (*khat* dalam bahasa Arab) yang juga disebut hieroglif. Tulisan bergambar membawa kepada tulisan ideograf (dengan tulisan Cina sebagai wakil yang paling baik), yang tiap-tiap hurufnya mendukung satu idea atau makna. Jenis selepas itu ialah tulisan silabari (berdasarkan suku kata, atau *syllable*), dan antaranya ialah tulisan Arab. Akhir sekali dalam evolusi tulisan ialah tulisan yang menyamakan satu huruf dengan satu bunyi, dikenal sebagai tulisan abjad (*alphabetic writing*) yang diwakili oleh tulisan bahasa Eropah, yang salah satu di antaranya diimport dengan nama “tulisan Rumi”.

Prototaip tulisan Jawi ialah tulisan Arab. Perbendaharaan huruf Arab terdiri daripada 29 huruf, tetapi Za‘ba dalam *REJ* menyatakan bahawa yang ada ialah 28; beliau tidak mengira hamzah ء sebagai huruf tersendiri, tetapi sebagai kelainan kepada alif, dan dengan itu diberikan nama “alif bongkok”. Dengan ء yang tidak boleh diketepikan, maka terdapat 29 huruf Arab semuanya; daripada jumlah itu hanya 15 huruf (termasuk ء) yang sesuai dengan bunyi Melayu. Lima lambang konsonan yang tidak terdapat dalam bahasa Arab sudah pun ditambah oleh orang dahulu supaya bunyi Melayu dapat digambarkan dengan lengkap dalam tulisan Jawi. Bunyi-bunyi itu ialah چ (ca), غ (nga), ف (pa), ك (ga), dan ث (nya), yang

dinamakan oleh Za‘ba sebagai “huruf kacukan”. Sungguhpun bahasa Arab mempunyai tiga bunyi vokal, dan bahasa Melayu mempunyai enam vokal (dalam bahasa standard), tidak ada lambang “kacukan” yang ditambah kerana dianggap tidak perlu.

Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa huruf-huruf kacukan itu diambil daripada sistem tulisan asal Arab yang digunakan di negara Islam yang lain, seperti daripada bahasa Parsi, dan sebagainya. Za‘ba berpendapat di antara lima huruf itu, terdapat huruf yang dicipta oleh orang Melayu sendiri, dan terdapat juga huruf yang diambil daripada tulisan Parsi dan Hindi (mungkin yang dimaksudkan dengan Hindustan yang sekarang dikenali sebagai Urdu), tetapi beliau tidak menunjukkan yang manakah ciptaan Melayu dan yang manakah ciptaan orang lain (*REJ*, 2009:10, Ceraian 35). Sekiranya dikatakan bahasa Parsi menjadi salah satu sumber huruf kacukan, yang secara jelas datang “sepenuhnya”, yakni tanpa sebarang penyesuaian ialah huruf چ. Bahasa Parsi mempunyai bunyi ca, demikian juga dengan bahasa Melayu. Tambahan pula, huruf ini sudah digunakan dalam teks Melayu *Al-‘Aqaid Al-Nasafi*, 1596M (Asmah Haji Omar, 1991).

Bunyi ga dan pa juga terdapat dalam bahasa Parsi. Huruf Parsi untuk ga ialah گ (sama dengan yang terdapat dalam bahasa Urdu dan Pashtun). Dalam teks *‘Aqaid* huruf گ mewakili bunyi ka dan juga bunyi ga (Asmah Haji Omar, 1991). Lambang untuk ga, yang berbeza dengan ka, hanya berlaku sebanyak satu kali, iaitu dalam kata *gugur*, dan lambangnya ialah kaf گ yang diberikan titik di luar siku bawah. Dalam pencarian yang dilakukan oleh penulis, lambang ini tidak dapat dikesan asal usulnya. Dalam bahasa Pashtun (Afghan) bunyi ga digambarkan dengan گ dengan titik di bawah tangkainya: گ. Boleh diujahkan bahawa huruf Jawi گ merupakan penyesuaian huruf Pashtun dengan cara memindahkan tempat titik, iaitu daripada bawah ke atas tangkai, menghasilkan گ. Dalam membuat taabiran seperti ini, persoalan yang timbul adalah berkaitan dengan setakat manakah pengaruh budaya orang Afghan dalam budaya hidup orang Melayu. Terdapat individu yang bercakap dalam bahasa Pashtun yang bermastautin di Tanah Melayu, tetapi pengaruh mereka kurang diketahui berbanding dengan pengaruh Parsi dalam bahasa dan budaya Melayu. Lebih besar kemungkinannya huruf گ wujud dari penyesuaian گ Parsi dengan cara menggantikan garis dengan titik.

Bunyi pa dalam bahasa Parsi dilambangkan dengan huruf پ. Penyesuaian yang berlaku adalah berdasarkan huruf Arab پ, atau daripada bunyi **ba** ke bunyi **pa: b > p** (yang juga terdapat dalam bahasa Urdu dan bahasa Pashtun). Huruf ف Jawi merupakan penyesuaian daripada huruf Arab ف, atau daripada bunyi **fa** ke **pa: f > p**. Dalam teks *‘Aqaid*, sudah ada huruf ف yang bertukar ganti dengan ف. Jelas bahawa ف, seperti گ merupakan hasil pemikiran orang Melayu

sendiri. Kedua-dua huruf ini dimasukkan dalam senarai *Arabic supplement* yang mengumpulkan huruf yang disesuaikan dengan huruf Arab asli.

Huruf ڠ dan ڨ juga disenaraikan dalam *Arabic supplement*. Bunyi ini tidak wujud dalam bahasa yang disebut sebelum ini. Dengan itu kedua-duanya boleh dikatakan merupakan hasil penyesuaian daripada huruf Arab yang dilakukan oleh orang Melayu sendiri: ciptaan ڠ didasarkan pada ڨ, dan ڨ pada ڨ. Berkenaan dengan huruf ڨ, ciptaan diteruskan dengan mewujudkan kelainan bentuk dengan titik di bawah, iaitu kelainan huruf ini di awal dan di tengah kata. Jika dipatuhi peraturan tidak mengubah titik dalam kelainan huruf (atau alograf), pasti akan timbul kekeliruan dengan alograf untuk ڨ di awal dan tengah kata.

Dengan hujah-hujah tersebut, penulis berpendapat bahawa daripada lima huruf kacukan, empat merupakan ciptaan peribumi Melayu, dan satu diambil daripada bahasa Parsi, iaitu ڨ. Dari segi kronologi, huruf yang paling awal wujud dalam teks Melayu ialah ڨ, iaitu dalam teks Batu Bersurat Terengganu. Kewujudan huruf ڨ, ڠ, dan ڨ jelas dalam teks *'Aqaid*. Berdasarkan teks ini juga, huruf ڨ belum muncul dalam abad ke-16, sungguhpun sudah terdapat kesedaran bahawa bunyi ga berbeza dengan bunyi ka.

Za'ba membahagikan huruf Jawi kepada tiga kategori, iaitu: (i) huruf Jawi jati yang sesuai dengan lidah Melayu jati, 15 kesemuanya (termasuk hamzah); (ii) huruf kacukan, lima semuannya; dan (iii) huruf dagang, iaitu 14 kesemuanya. Jumlah besar huruf Jawi ialah 34 (termasuk hamzah). Huruf dagang mendapat namanya kerana digunakan dalam mengeja kata pinjaman daripada bahasa Arab “tetapi lidah Melayu jati menukarkan sebutannya kepada bunyi Melayu yang munasabah.” (*REJ*, 2009:12, Ceraian 38). Perkataan “Jawi” sebagai nama huruf dan tulisannya, menurut Za'ba, hendaklah dipertahankan, untuk menunjukkan asalnya dari tanah Arab. Perkataan tersebut yang berasal daripada perkataan “jawa”, dalam bahasa Arab merujuk kepada orang Melayu. Sebutan “huruf dan tulisan Melayu” bukan sahaja merujuk kepada “huruf dan tulisan Jawi”, tetapi juga kepada “huruf dan tulisan Rumi” yang asalnya dari Rom.

MAKNA RAHSIA EJAAN JAWI

“Rahsia ejaan” yang dimaksudkan oleh Za'ba ialah kaedahnya, yang dalam perkataannya sendiri bermaksud “undang-undang”, atau dalam perkataan sekarang ialah “peraturan”. Undang-undang ini bertitik tolak daripada dua unsur penting, iaitu huruf dan bunyi, bukan sebagai unsur yang terpisah tetapi yang berkaitan antara satu sama lain, dengan perincian seperti berikut: (i) gandingan bunyi dengan bunyi, serta huruf dengan huruf; (ii) nilai bunyi dan huruf; dan (iii) sebab boleh atau tidak boleh

berlakunya sesuatu gandingan itu. Berdasarkan asas undang-undang yang berlabuh pada huruf dan bunyi, maka kedua-dua unsur ini adalah sama penting dalam kaedah *REJ*. Dengan itu, pembentangan rahsia ejaan Za‘ba dibincangkan seterusnya di bawah tajuk utama, Grafologi, dan Bunyi Bahasa.

Grafologi

Grafologi ialah kajian mengenai huruf. Za‘ba menjelaskan kedudukan huruf-huruf Jawi berdasarkan rupa bentuk dan juga ciri-ciri estetika atau keindahan. Dengan cara ini, beliau membawa konsep (i) bangun huruf, (ii) rumah huruf, dan (iii) keindahan atau estetika huruf. (*REJ*, 2009:Ceraian 55–57). Kesepaduan ketiga-tiga faktor ini bukan hanya pada bentuk grafik perkataan yang ditulis supaya kelihatan cantik, tetapi juga berasaskan faktor bunyi yang dilambangkan oleh huruf.

Bangun Huruf dan Rumah Huruf

Bangun huruf terdiri daripada dua jenis, iaitu yang pertama ialah huruf tegak seperti ا, ل, ظ, dan di samping itu terdapat huruf tegak berangkai: ك dan ك. Jenis yang kedua ialah huruf terbaring, iaitu terbaring biasa seperti ب, ت; terbaring berkepala, ف dan ق; dan terbaring berekor seperti ج, ح, خ.

Suatu huruf itu mempunyai variasi bentuk mengikut di mana kedudukannya dalam perkataan. Misalnya, bentuk huruf خ pada awal kata ialah خ, di tengah kata خ, dan di akhir kata خ. Huruf ت mempunyai lebih banyak kelainan, iaitu selain huruf penuh itu terdapat ٓ ٔ ٖ. Kelainan huruf seperti ini boleh dinamakan sebagai alograf (*allograph*) dengan bermodelkan alofon (*allophone*) yang bermaksud kelainan bunyi. Za‘ba menyediakan jadual cara penulisan huruf di tempat tertentu dalam perkataan, di pangkal, di tengah atau di hujung (*REJ*, 2009:13, Ceraian 43). Namun begitu, beliau tidak mencadangkan istilah khusus untuk kelainan ini. Gambaran dalam *REJ* (2009:15, Ceraian 45) yang diberikan berhubung dengan bentuk yang berbeza itu ialah:

Huruf-huruf yang berkepala diambil kepalanya pada ketika berangkai, dan pada yang berbadan diambil badannya sahaja, kerana keduanya inilah yang terutama mengenalkan huruf-huruf itu kepada kita. Ada pun yang berserupaan bangun tubuhnya atau rumahnya, maka dikenal akan dia daripada titiknyanya yang berlain-lainan.

Adapun ekor huruf apabila ada, semata-mata ia menjadi perhiasan dan tiada diambil akan dia melainkan jika huruf itu tunggal atau dihujungan rangkaian supaya jangan kudung atau kompot sahaja rupanya.

Disebabkan ت mempunyai banyak kelainan, dan orang Melayu memilih kelainan sesuka hati, sehingga yang sepatutnya ت dijadikan ا atau ة kerana hendak ringkas, maka pedoman yang diberikan oleh Za‘ba adalah apabila menulis perkataan seperti “hadhrat”, hendaklah gunakan ة bukan ت dan sebaliknya apabila menulis “hajat”. Kelainan huruf dalam “selamat”, “rahmat”, dan “ni’mat” ialah ا. Pada bahagian akhir buku *REJ* terdapat sejumlah jadual yang memberikan contoh ejaan huruf yang mempunyai pelbagai kelainan.

Rumah huruf pula diberikan takrif untuk “anggota huruf yang pertama-tama yang digoreskan tatkala menulis dia; dan rumah itu tidak dipakai, melainkan pada huruf yang bertitik.” (*REJ*, 2009:22, Ceraian 55 (1)). Misalnya, bagi huruf ن rumahnya ialah “anggota” yang kelihatan seperti mangkuk, dan anggota inilah yang ditulis pertama sekali. Titik merupakan anggota kedua kerana titik dimasukkan kemudian. Demikianlah juga halnya dengan huruf-huruf lain yang menggunakan titik, walaupun bentuk rumahnya berbeza, seperti ب, ت, ق, ش dan sebagainya.

Estetika Huruf

Za‘ba sangat mengutamakan keindahan dalam penggunaan bahasa, seperti yang diperlihatkan dalam tunjuk ajar dalam mengarang yang terdapat dalam bukunya, *Pelita Bahasa Melayu I-III*, dan *Ilmu Mengarang Melayu*. Dalam *REJ* keindahan yang dimaksudkan ialah keindahan menulis huruf Jawi. Keindahan bukan hanya pada bangun huruf dan rumah huruf, tetapi penulisan titik dan rangkaian huruf.

Berkenaan dengan titik, titik yang boleh digunakan adalah sebanyak tiga sahaja. Jika lebih, maka huruf itu akan menjadi hodoh dan “bertambah leceh menulisnya”. Tempat titik hendaklah betul-betul di atas atau di bawah rumahnya. Jika tidak, yakni terserong, maka akibatnya itu bukan semata-mata tidak cantik, tetapi diketawakan orang, seperti katanya: “Jika di sebelah atas maka terkadang diperlawakkan orang mengatakan dia ‘tertenggek’, dan jika di sebelah bawah dikatakan dia ‘tergayut’” (*REJ*, 2009:23, Ceraian 57(5)). Menurut pedomannya lagi, titik hendaklah satu-satu, tidak bersambung antara satu sama lain jika lebih dari satu, dan juga tidak bersambung dengan rumah. Tetapi jika seseorang itu menulis dengan cepat bolehlah menyambung titik dengan titik, dan titik dengan rumah.

Pedoman berhubung dengan tulisan berangkai melibatkan kedua-dua huruf tegak dan huruf berbaring. Huruf tegak, jika berangkai satu sama lain sekalipun, tidak menimbulkan masalah, kerana sifat huruf itu tidak panjang dan rumahnya pun tidak serupa. Lihat petikan di bawah ini (*REJ*, 2009:23, Ceraian 58):

Huruf-huruf yang tegak itu apabila berangkai, tiada panjang tulisan olehnya, lagipun jarang yang bersamaan rupa rumahnya; jadi tiadalah hodoh atau leceh atau berulang-ulang rupanya apabila ia berangkai-rangkai sama sendiri.

Bagi huruf terbaring, pertimbangan yang teliti harus diberikan apabila ditulis secara berangkai satu sama lain. Hal ini disebabkan kerana antara huruf itu yang panjang, yang mempunyai lekuk atau gerigis, dan juga titik yang jumlahnya berlainan. Menurut Za‘ba dalam *REJ* (2009:23, Ceraian 60):

Dengan sebab-sebab yang tersebut itu terpaksa ditimbang hal huruf-huruf terbaring itu tatkala menulis perkataan-perkataan seumpama تيتيق, سيسيق, بينتيع, كليسييت dan sebagainya, iaitu sayogia dikurangkan hurufnya mana-mana yang boleh walau menyalahi undang-undang sekalipun, kerana berkehendakkan ringkas dan pantas serta mudah rupa tulisan.

Za‘ba berpendapat bahawa disebabkan hendak menjaga estetika tulisan, maka orang dahulu suka memendekkan ejaan, yakni dengan tidak menggunakan huruf saksi ا, و, ي (*REJ*, 2009: Ceraian 60). Dengan pedoman supaya tidak menggunakan huruf saksi, Za‘ba sedar bahawa akan timbul perkataan yang ejaannya sama, tetapi bunyinya berbeza, dan dengan itu maknanya juga berbeza. Namun begitu, Za‘ba mempunyai jawapannya, iaitu seseorang itu akan dapat membaca jika individu itu tahu bahasanya. Beliau membawa contoh daripada bahasa Arab sendiri, seperti yang diturunkan dalam *REJ* (2009:2, Ceraian 2).

Baris-baris itu pada tulisan Arab tidaklah terpaksa dibubuh selalu, hanya dipakai akan dia pada perkataan yang ganjil atau pada surat-surat yang dibaca oleh orang yang tiada mengerti Arab sahaja. Adapun pada tulisan-tulisan yang kebanyakan seperti dalam kitab-kitab Arab atau surat-surat khabar Arab dan lain-lain sebagainya memadailah ditulis dengan tiada dibubuh baris, kerana sudah maklum kepada tiap pembaca yang faham.

Maksud di sebalik petikan tersebut ialah tanda baris dalam ejaan tidak diperlukan dalam penulisan teks huruf Arab, dan teks dibaca oleh orang yang tahu bahasa berkenaan, bukan orang yang baharu hendak belajar bahasa tersebut. Orang yang memahami bahasa teks yang dibacanya tidak sukar mengenal pasti perkataan di hadapannya berdasarkan konteks perkataan itu digunakan. Perkara inilah yang dimaksudkan oleh teori konteks dalam aliran linguistik London. Dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa lain terdapat banyak homograf (yakni perkataan yang ejaannya sama, tetapi berbeza makna), seperti *bear*, *treat*, *suit*, *sentence*, *custom*, dan

sebagainya, dan makna yang dimaksudkan pada tiap-tiap satunya itu muncul dalam penggunaannya.

Za‘ba sedar bahawa kaedah ejaan Jawi (dalam zamannya) sudah bercampur dengan kaedah yang menggunakan huruf saksi. Dalam keadaan seperti ini, menurutnya dalam *REJ* (2009:2, Ceraian 23-24):

Maka pertanyaan yang hendak dijawab dalam alam ejaan Jawi itu ialah: “tentang mana memakai yang itu, dan tentang mana memakai yang ini?”

Maka daripada dua ini yang mengikut kaedah Arab itulah kaedah tulisan Jawi yang asal. Adapun mana-mana yang telah terikut kaedah memakai saksi itu hanya terjadi kemudian. Iaitu mula-mula asalnya oleh sebab menggunakan “و ي ا” pada bunyi-bunyi yang disangkakan panjang. Kemudian lama kelamaan akhirnya jadikan ia kaedah memakai saksi seperti yang ada sekarang.

Dalam petikan tersebut, Za‘ba membawa faktor kepanjangan bunyi yang dikatakan mempengaruhi penggunaan huruf saksi. Panjang pendek bunyi dalam penggunaan bahasa digolongkan sebagai ciri prosodi, yang dalam bahasa pertuturan membawa ciri lagu bahasa (intonasi). Dalam bahasa Melayu panjang pendek bunyi bukan ciri khusus dalam kata yang berdiri sendiri, tetapi fungsinya terdapat dalam ayat, yakni dalam bahasa lisan, menggambarkan penegasan pada sesuatu yang dimaksudkan, emosi (sedih, gembira), dan sebagainya; di sinilah letaknya estetika bunyi bahasa Melayu. Panjang pendek bunyi dalam bahasa Arab merupakan ciri kata, dan memberikan irama khusus kepada bahasa berkenaan. Maksud Za‘ba dalam petikan boleh ditafsirkan bahawa orang Melayu dahulu kala terpengaruh dengan keindahan bunyi bahasa Arab yang menunjukkan kepanjangan bunyi jatuh pada suku kata tertentu, dan mereka menyangka dalam bahasa Melayu seharusnya juga begitu.

Bunyi Bahasa

Dalam menghuraikan bunyi bahasa Melayu, Za‘ba menyatakan bahawa huraian yang dipaparkan dalam *REJ* “tiada berapa betul di sisi orang-orang yang ahli pada ilmu bunyi bahasa (*Phonetics*)”. Petikan daripada penjelasannya itu adalah seperti dalam *REJ* (2009:xxxii):

... isi kitab ini semata-mata asal daripada pengarangnya sendiri, dan sepanjang yang telah dilihat belum pernah dibuat orang dahulu daripada ini dengan aturan seperti yang dibentangkan di sini.

Walaupun beliau tidak mempunyai latar belakang fonetik, dan dengan itu tidak dapat mengungkapkan idea-ideanya menurut epistemologi ilmu berkenaan, sebenarnya beliau dapat mengenal jenis bunyi yang dihasilkan oleh alat artikulasi manusia. Subtajuk seterusnya menerangkan tentang pengertian yang dibawa oleh Za‘ba dalam *REJ*, yang relevan dengan ejaan Jawi.

Pengertian Bunyi Bahasa

Definisi yang diberikan oleh Za‘ba untuk bunyi ialah seperti dalam *REJ* (2009:1, Ceraian 4):

... satu anggota yang tunggal daripada sesuatu perkataan serta tentu bunyi hurufnya. Jadinya daripada satu gerak suara yang lepas keluar seperti *jong, cap, ra, jin, su, bang*. Maka bukanlah yang dikatakan “bunyi” pada alam hejaan itu seperti bunyi burung atau bunyi kereta lalu atau bunyi petir dan sebagainya.

Dalam petikan tersebut, Za‘ba jelas membezakan bunyi bahasa daripada bunyi bukan bahasa. Seperti yang sudah dijelaskan, jenis yang kedua itu dalam ilmu linguistik dikenali juga sebagai bunyi bising. Definisi bunyi bahasa itu dikaitkan dengan “huruf” yang merupakan penggambaran grafik. Pembunyian huruf pula dihuraikan sebagai “satu gerak lepas”. Dalam ilmu fonetik, satu gerak lepas bermakna pengeluaran satu suku kata dari alat ujaran manusia. Contoh-contoh itu adalah bertepatan dengan pengertian suku kata.

Asal Bunyi

Bagi Za‘ba bunyi ada asalnya, yang disebut “asal bunyi”, dan konsep ini boleh disamakan dengan bunyi bahasa atau *phone*. Hal ini jelas dari definisi seperti dalam *REJ* (2009:1, Ceraian 5):

... asal bunyi itu ertinya permulaan bunyi yang pertama-tama sekali jadi tatkala kita hendak mengeluarkan sesuatu suara daripada daerah rahang, seperti bunyi suara yang tersimpan pada huruf ج atau س atau م atau ن atau lainnya sebelum dikeluarkan dia.

Menurut Za‘ba, terbitnya bunyi bahasa adalah dengan adanya gerak suara. Dalam ilmu fonetik artikulasi, bunyi bahasa dikatakan keluar daripada mulut manusia serentak dengan adanya gerak dada.

Ada dua jenis asal bunyi dalam pedoman Za‘ba. Jenis yang pertama dinamakannya “asal bunyi lepas” yang boleh keluar dan berdiri sendiri, dan kuasanya ialah menolong mengeluarkan jenis yang kedua. Yang kedua tidak dapat keluar sendiri, dan dikenal

pasti sebagai “asal bunyi terkurung”, dan jenis ini hanya dapat berdiri apabila mendapat pertolongan jenis pertama. Berdasarkan huraian ini, kesimpulannya ialah asal bunyi lepas ialah vokal, dan asal bunyi terkurung ialah konsonan.

Huruf Benar dan Huruf Saksi

Dengan kesedaran bahawa huruf dan bunyi tidak boleh dipisahkan, apatah lagi dalam sistem tulisan silabari, Za‘ba mengemukakan pendapatnya bahawa terdapat huruf benar dan huruf saksi. Huruf benar ialah huruf yang menggambarkan asal bunyi terkurung, dan huruf saksi ialah huruf asal bunyi lepas. Huruf ا, و, ي dikenali sebagai huruf saksi kerana dalam tulisan Jawi huruf ini melahirkan bunyi vokal. Tetapi pada masa yang sama dalam tulisan Jawi, bahkan juga dalam bahasa Arab, و dan ي boleh digunakan juga sebagai konsonan. Dengan itu و dan ي, mengikut konteks penggunaannya, bersifat dwifungsi, iaitu sebagai vokal dan konsonan. Huruf alif pula satu-satunya huruf yang berfungsi sebagai huruf saksi sahaja.

Konsep Tala dan Suara

Huruf yang melambangkan konsonan dikatakan mempunyai “suara”, sedangkan dalam huruf saksi terdapat ciri yang dinamakan “tala”. Dua konsep ini termasuk dalam kajian fonetik akustik. Dengan itu, و dan ي boleh mempunyai suara dan juga tala berdasarkan penggunaan masing-masing.

Istilah “suara” yang digunakan oleh Za‘ba ialah bunyi yang terkurung dalam konsonan. Pengertian ini tidak sama dengan pengertian “suara” dalam fonetik yang membezakan jenis bunyi berdasarkan getaran udara pada pita suara. Walaupun begitu, kedua-dua pengertian itu termasuk dalam bidang fonetik akustik. “Tala” dapat ditafsirkan sebagai kenyaringan yang terdapat dalam semua vokal.

Huruf Jawi dan Tala Vokal Melayu

Vokal Arab mempunyai tiga tala, yang dikenali dalam ilmu tajwid sebagai **fathah** (bunyi a), **kasrah** (bunyi i), dan **dhammah** (bunyi u), dan tiga tala ini diwakili oleh tiga huruf saksi ا, ي, و. Jika diambil kira dialek-dialek dalam bahasa Melayu, terdapat di antara enam hingga lapan bunyi vokal atau tala. Sudah menjadi tradisi di mana pun juga, ejaan diusahakan untuk menulis bahasa standard. Dalam bahasa Melayu standard yang berasaskan dialek Johor, hanya enam tala vokal yang dikenal pasti. Dalam tulisan Rumi hanya terdapat lima huruf vokal untuk enam bunyi vokal, dan sistem ejaan ini mempunyai cara tersendiri dalam menyelesaikan masalah kekurangan huruf ini.

Seperti yang dibincangkan, kekurangan huruf untuk bunyi konsonan dalam bahasa Melayu, diusahakan supaya lengkap dengan cara mengambil daripada bahasa Parsi dan mencipta huruf kacukan. Tetapi dalam sejarah tulisan Jawi, sebelum dan semasa Za‘ba, tidak ada usaha mencipta tiga lambang baharu untuk melengkapkan huruf bagi bunyi vokal bahasa Melayu. Kita telah dapat menyaksikan masa yang begitu lama bagi satu-satu huruf kacukan dapat dimasukkan ke dalam tulisan bahasa Melayu. Za‘ba dalam abad ke-20 membawa pengertian tala dan mengkaji tala-tala vokal Arab dengan tala-tala vokal Melayu. Dalam perbandingan dua kelompok tala itu, beliau mendapati bahawa setiap tala Arab itu boleh dibahagikan kepada dua jenis tala Melayu dengan menggunakan konsep “halus” dan “kasar”. (Lihat *REJ:27*, Ceraian 70). Ringkasnya pemasangan tala-tala itu adalah seperti yang berikut:

Tala Arab	Tala Melayu
ا	ĕ (halua), a (kasar)
ي	i (halus), e (kasar)
و	u (halus), o (kasar)

Dengan memperkenalkan konsep halus dan kasar pada tala, maka ciptaan huruf baharu tidak diperlukan lagi. Pada masa yang sama, Za‘ba mengakui bahawa kekurangan huruf untuk bunyi vokal bahasa Melayu menimbulkan kesukaran untuk menguasai tulisan Jawi, dan juga merupakan faktor mengapa sistem ejaan sukar disusun. Katanya lagi, “Tetapi kekurangan ini tidaklah melebihi kekurangan yang mengenai huruf **a**, umpama tulisan bahasa Inggeris dan lain-lain tulisan bahasa Eropah.” (*REJ: 27*, Ceraian 72).

Bunyi dalam Suku Kata

Dalam undang-undang ejaannya, Za‘ba memberikan tumpuan yang mendalam kepada pembentukan suku kata, bukan hanya dalam mengeja tetapi juga bagaimana menulisnya, seperti perbincangan dalam subtajuk seterusnya.

Menulis Bunyi Lepas dan Bunyi Berpadu

Di bawah ini, terdapat undang-undang Za‘ba bagaimana menulis suku kata dengan dua jenis bunyi ini, iaitu (i) bunyi lepas, dan (ii) bunyi berpadu.

Bunyi lepas atau terbuka ialah bunyi yang “tiada tersekat perjalanannya hingga beberapa panjang sekalipun” (*REJ:29*, Ceraian 77). Hal ini bermakna bahawa

suku kata dengan bunyi jenis ini berakhir dengan vokal yang digambarkan oleh huruf saksi. Dalam peristilahan linguistik moden, jenis ini dikenali sebagai suku kata terbuka yang berakhir dengan huruf saksi, misalnya suku kata با (ba), تي (ti), كو (ku).

Di samping itu ada juga suku kata terbuka ditulis dengan huruf penuh tanpa sebarang huruf saksi. Misalnya:

- (1) مك, كوت, مات. Sungguhpun bunyi “a” akhir kata diwujudkan dengan cara yang berbeza-beza menurut pelbagai dialek Melayu, misalnya dengan bunyi ě atau o, tetapi tidaklah perlu diberikan tanda khusus untuk bunyi seperti itu. Bahkan dalam tulisan Rumi bunyi dialek Johor, yang dianggap sebagai bahasa standard, kata **mata** tidak dieja sebagai **matě**.
- (2) Bunyi suku kata akhir dengan satu huruf boleh membawa bunyi **i** dan **u**. Misalnya: اين “ini”, ايت “itu”

Bunyi berpadu atau bunyi tersekat, terdapat dalam contoh-contoh seperti كون (kun), بل (bal), مق (mak), dan sebagainya. Dalam linguistik, suku kata dengan bunyi jenis ini disebut suku kata tertutup, kerana diakhiri atau “ditutup” oleh konsonan. Za‘ba menggunakan istilah “berpadu” kerana konsonan akhir itu berpadu dengan vokal sebelumnya, dan “tersekat” kerana konsonan tersebut menyekat atau menutup penyebutan suku kata itu. Za‘ba memberikan tumpuan yang mendalam kepada pembentukan suku kata, bukan hanya dalam mengeja tetapi juga bagaimana menulisnya.

Menulis Bunyi Panjang atau Keras

Panjang atau kerasnya suku kata boleh berlaku apabila menuturkan kata yang terdiri daripada dua atau tiga suku kata. Yang panjang atau keras itu, menurut Za‘ba, berlaku pada suku kata akhir atau sebelumnya. Dalam konteks ini bolehlah digunakan huruf saksi, misalnya: سهاج “sahaja”, ساعت “saat”, فركتان “perkataan”, كنا “kena”. Jika dalam perkataan-perkataan ini diberi alif bagi tiap-tiap suku kata, tentu tidak indah lagi dipandang mata. Kata Za‘ba, penggunaan huruf saksi untuk menyamai ejaan Rumi menunjukkan orang “tidak tahu kaedah dan tidak faham rahsia ejaan Jawi.” (REJ:47–48, Ceraian 99).

Menulis Bunyi Berkait

Bunyi-bunyi boleh berkait satu sama lain. Menurut Za‘ba, “... apabila berhimpun dua tala yang berlainan pada bunyi sesuatu perkataan serta tiada diantarai oleh suatu huruf benar, maka jadilah daripadanya percampuran bunyi yang dinamai “bunyi

berkait”. Terdapat tiga jenis bunyi berkait, iaitu: (i) bunyi berkait rapat; (ii) bunyi berkait renggang; dan (iii) bunyi berkait campur (*REJ*:81, Ceraian 127).

Bunyi berkait rapat boleh ditafsirkan sebagai diftong, yakni gabungan vokal dengan geluncuran, seperti **ai** dalam كدي (kedai), **au** dalam فولو (pulau), dan **oi** dalam فروي (peroi). Tiga bunyi berkait ini dinamakan bunyi berkait rapat kerana terdapat perkaitan “salah huruf”, iaitu perkaitan huruf bunyi terkurung (konsonan) yang sudah pun mempunyai tala, atau vokal, dengan huruf bunyi terlepas, iaitu huruf saksi ي, dan و. Dalam contoh كدي, huruf د adalah asalnya bunyi terkurung, tetapi ada vokal di dalamnya dan bunyinya ialah **da**. Huruf ي mewakili bunyi lepas **i**. Gabungan د dengan ي selaras dengan **dai** dalam ejaan Rumi. Berdasarkan prinsip ini, yang dimungkinkan oleh sistem tulisan silabari, tidak perlu dimasukkan alif ا dalam ejaan Jawi sehingga mewujudkan كدای. Prinsip yang sama berlaku dalam ejaan فولو (pulau) yang kemudian jika dimasukkan ا menghasilkan فولاو. Demikianlah undang-undangnya apabila menulis perkataan yang mempunyai diftong **ai** dan **au**.

Apabila mengeja “peroi”, dalam tulisan Jawi فروي, maka huruf saksi و perlu ada, kerana huruf ر tidak membawa bunyi **o**.

Bunyi berkait renggang terdiri daripada dua tala yang berlainan, iaitu rangkap vokal (V + V). Jenis ini terdiri daripada rangkai **ai**, **au**, **ia**, **iu**, **ua**, **ui**. Antara contoh-contoh penulisannya termasuklah (*REJ*:83, Ceraian 131):

- (1) Atas berkait dengan bawah. Contoh: بايک (baik), كآيل (kail)
- (2) Atas berkait dengan hadapan. Contoh: أور (aur), باوڠ (baung)
- (3) Bawah berkait dengan atas. Contoh: هياس (hias), ليار (liar)
- (4) Bawah berkait dengan hadapan. Contoh: تيوڠ (tiung), ليور (liur)
- (5) Hadapan berkait dengan atas. Contoh: بوآڠ (buang), لوار (luar)
- (6) Hadapan berkait dengan bawah. Contoh: دويت (duit), كويس (kuis)

Bunyi berkait campur memperlihatkan adanya campuran atau gabungan bunyi berkait rapat dengan bunyi berkait renggang. Contoh: كياي (kiyai), تواي (tuai). Dapat disimpulkan bahawa yang dimaksudkan dengan bunyi berkait campur ialah rangkap vokal yang diikuti oleh diftong (*REJ*: 83–84 Ceraian 132).

Menulis Penambah dan Rangkaian Kata

Pengetahuan tentang pembentukan kata adalah perlu dalam kaedah tulisan Jawi. Za‘ba menegaskan bahawa anggota penambah (yakni imbuhan) biasanya wujud satu atau dua sahaja dalam satu-satu perkataan. Jarang-jarang sekali terdapat tiga atau empat penambah. Penguasaan penggunaan penambah, awalan dan akhiran adalah sangat penting jika seseorang itu ingin mahir dalam tulisan dan ejaan Jawi.

Ejaan Jawi biasanya merangkaikan dua kata atau lebih menjadi satu, seperti dalam متھاري, ھاريراي, تھانفتري. Za‘ba menamakan rangkaian seperti ini “kata terbitan”. Jelas di sini bahawa yang dimaksudkan dengan kata terbitan itu ialah kata majmuk atau frasa tetap. Dalam linguistik moden kata terbitan merupakan kata kompleks yang dibentuk dengan kata akar dan penambah. Za‘ba berpegang kepada beberapa prinsip dalam menggubal kaedah tulisan rangkaian kata, dan prinsip itu disimpulkan seperti contoh ini:

Pertama, dalam memperkatakan “hukum” atau “undang-undang” ejaan, Za‘ba mementingkan penyertaan orang ramai. Menurutnya dalam *REJ* (2009, 86. 87, Ceraian 136:

Maka hukum dalam perkataan seperti ini ialah kebiasaan yang bersetuju dirasmikan oleh orang ramai, bukannya hukum-hukum atau undang-undang yang direka oleh satu orang.

Tafsiran yang boleh dibuat di sini ialah Za‘ba mementingkan *convention*, yakni persetujuan pengguna bahasa. Seseorang individu atau sekumpulan orang tidak boleh memaksa cara mereka ke atas pengguna bahasa jika masyarakat tidak setuju. Kedua, dalam ejaan yang menimbulkan kontroversi, arus perkembangan, yakni bentuk ejaan yang mana yang disukai ramai hendaklah diperhatikan (*REJ*:39, Peringatan 4). Prinsip ini juga mengembalikan kuasa kepada orang ramai. Ketiga, ejaan yang sudah tetap dan sudah lama digunakan orang tidak perlu diubah. Perkara ini merupakan pedoman yang seharusnya diikuti oleh pembina bahasa, bukan sahaja dalam hal ejaan tetapi juga dalam pembinaan aspek-aspek lain dalam bahasa. Keempat adalah tentang penggunaan huruf saksi untuk menyamai lambang vokal dalam ejaan Rumi. Menurut Za‘ba (*REJ*:48, Ceraian 99):

Tetapi orang yang menulis demikian itu ialah orang yang tiada tahu kaedah dan tiada faham akan rahsia yang memerintahkan ejaan Jawi...

Menulis Kata Pinjaman dari Bahasa Arab

Za‘ba menarik perhatian khusus kepada kata-kata yang diambil daripada bahasa Arab supaya tidak diubah, nanti hilang gambarnya. Cara yang dianjurkan supaya tidak hilang gambar perkataan-perkataan itu ialah:

- (i) Ikut sebutan: (a) قصد نفقه قصه (b) نعمة رحمة صفة bukan dengan ت. Za‘ba mahu supaya bunyi ت dipertahankan tetapi dengan kelainan huruf ā kerana ejaan yang seperti inilah yang terdapat dalam kitab-kitab Arab.

- (ii) Ikut “ejaan tua”, yakni ejaan Arab yang sudah tetap. Misalnya: حاج, اخر, نهى, نبي, مجلس, مشرق, مغرب, مسجد, وحي, قاضي, ظاهر, حج.

Hal yang dimaksudkan dengan ejaan tua bukan sekadar ejaan dalam bahasa Arab, tetapi ejaan-ejaan ini sudah digunakan dalam kitab-kitab agama yang ditulis dalam bahasa Melayu dan juga dalam jenis persuratan yang lain, seperti hikayat, undang-undang kerajaan Melayu dan surat-menyurat rasmi antara kerajaan.

KESIMPULAN

Buku *REJ* merupakan bukti lahirnya buah fikiran yang asli dari Za‘ba sendiri tentang peraturan bunyi bahasa, khususnya bahasa Melayu. Asas fonetik dan fonologi ada dalam pertimbangannya sungguhpun cara beliau menghablur dan mengungkapkan idea-ideanya itu tidak keseluruhannya sesuai dengan aliran pemikiran fonetik dan fonologi pada masa kini.

Keaslian Za‘ba terletak pada kaedah yang diterapkannya dalam memaparkan pedoman menghasilkan tulisan Jawi dengan baik dan teratur dan hendaklah diberikan pertimbangan yang sama berat kepada bunyi dan huruf. Oleh sebab khat Arab mempunyai keindahan tersendiri, maka Za‘ba juga menegaskan betapa pentingnya estetika huruf dalam mengeja perkataan dalam tulisan Jawi. Berdasarkan prinsip itu, masyarakat diingatkan bahawa pengguna ejaan Jawi tidak boleh diketepikan, dan dengan itu pandangan mereka hendaklah diberikan perhatian sewajarnya.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abdullah Hussain & Khalid M. Hussain. (2000). *Pendeta Za'ba dalam Kenangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adnan Hj, Nawang. (1994). *Za'ba: Patriot dan pendeta Melayu*. Yayasan Penataran Ilmu.
- Adnan Hj, Nawang. (1998). *Za'ba dan Melayu*. Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Adnan Hj. Nawang. (2005). *Memoir Za'ba*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1988). *The oldest known Malay manuscript; A 16th century Malay transcription of the 'Aqa'id Al-Nasafi*. Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (1991). *Bahasa Melayu abad ke-16; Satu analisis berdasarkan teks Melayu 'Aqa'id Al-Nasafi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2004, 26–28 Ogos). *Capital knowledge of the indigenous: An appraisal of Za'ba's thoughts on language*. [Persidangan]. Malay World Studies Conference: Scholarship in Malay Studies: Looking Back Striding Ahead. Leiden University, The Netherlands.
- Asmah Haji Omar. (2010). *Za'ba dan ilmu linguistik: satu tinjauan mengenai aspek-aspek bahasa yang diutarakannya*. Dlm. Asmah Haji Omar, *Kajian dan perkembangan bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2012). The Terengganu stone inscription: A portrayal of the community's culture. Dlm. Muhammad Zainy Uthman (Ed.), *Batu Bersurat of Terengganu: Its correct date: Religio-cultural and scientific dimensions*, 81–98. Al Bukhary Series, Department of Heritage Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2014). *Za'ba: Ahli fikir dan ahli bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2019). *Bahasa Melayu di daratan Asia Tenggara: Pendekatan sejarah dan geolinguistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Dahaman. (2007). *Ejaan Rumi sepanjang zaman*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad. (1925). *Chanai bacaan*. Pejabat Karang Mengarang, Sultan Idris Training College.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (2000). *Pelita Bahasa Melayu Penggal I – III (Edisi Baharu)*. (Pengenalan oleh Asmah Haji Omar). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (2002). *Ilmu mengarang Melayu (Edisi ejaan Rumi baharu)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (2009). *Rahsia ejaan Jawi*. (Ditransliterasi dan diperkenalkan oleh Asmah Haji Omar). Dewan Bahasa dan Pustaka.